

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2022/2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30143
PERNIAGAAN ANTARABANGSA**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
 3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
 5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*

Arahan : Jawab semua soalan.

1. Apakah definisi perniagaan antarabangsa? HPK1
T1
- A** Perniagaan sehalu antara negara-negara.
B Perniagaan jual beli antara syarikat A dan B.
C Perniagaan dua hala antara negeri-negeri dalam negara.
D Perniagaan dua hala antara sebuah negara dengan negara lain yang melangkaui sempadan geografi dan politik.
2. Pilih pernyataan yang **SALAH** mengenai perniagaan antarabangsa HPK1
T1
- A** Merangkumi aktiviti import, eksport dan entreport.
B Melibatkan penggunaan pelbagai mata wang asing.
C Aktiviti perniagaan yang melibatkan perniagaan dalam negara sahaja.
D Wujud pelbagai sekatan perdagangan seperti tarif, kuota dan embargo.
3. Apakah faktor – faktor kewujudan perniagaan antarabangsa? HPK1
T1
- I. Hubungan antarabangsa.
II. Perbezaan kos pengeluaran.
III. Perbezaan tingkat teknologi.
IV. Memiliki sumber semulajadi yang sama.
- A** I, II, dan III
B II, III dan IV
C I, III, dan IV
D I, II, dan IV

4. Antara berikut, yang manakah sumbangan perniagaan antarabangsa kepada ekonomi sesebuah negara? HPK1
T1

- I. Menyebarkan fahaman agama.
- II. Mengurangkan kadar pengangguran.
- III. Menyekat hubungan kerjasama serantau .
- IV. Membuka ruang dan peluang ekonomi kepada penduduk tempatan.

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

5. HPK1
T1

Setiap negara mempunyai bentuk muka bumi, iklim dan sumber alam yang berlainan. Contoh Thailand menjadi pengeksport terbesar beras kepada Malaysia.

Kenalpasti faktor kewujudan perniagaan antarabangsa yang dinyatakan di atas.

- A Perbezaan teknologi.
- B Hubungan antarabangsa.
- C Perbezaan kos pengeluaran.
- D Perbezaan sumber alam semulajadi.

6. Aktiviti perniagaan yang melibatkan pembelian produk atau perkhidmatan dari luar negara dikenali sebagai HPK1
T2

- A kuota.
- B import.
- C eksport.
- D embargo.

7.

HPK1
T2

- ❖ Menerima kebenaran untuk memasarkan produk
- ❖ Perlu membayar royalti dan yuran
- ❖ Dibenarkan untuk menggunakan nama syarikat induk

Kenyataan di atas menerangkan tentang pihak .

- A licensor.
- B licensee.
- C francaisi.
- D francaisor.

8.

HPK1
T2

Penghasilan produk dan perkhidmatan di sebuah negara untuk dipasarkan ke luar negara. Seperti yang kita sedia maklum Malaysia antara negara kedua terbesar yang menjual minyak sawit ke pasaran luar negara selepas Indonesia.

Aktiviti perniagaan di atas adalah merujuk kepada aktiviti .

- A kuota.
- B import.
- C eksport.
- D embargo.


9. Usaha sama merujuk kepada dua atau lebih perniagaan bersetuju untuk bergabung bagi sama - sama menembusi pasaran antarabangsa. Berdasarkan kepada pernyataan di bawah yang manakah **SALAH** berkaitan dengan usaha sama.

HPK1
T2

- A Mengurangkan risiko yang dihadapi oleh syarikat dengan hasil usaha sama seperti risiko kerugian.
- B Usaha sama menyebabkan syarikat tidak dapat berkongsi pengetahuan, kepakaran , kemahiran dan teknologi dari negara lain.
- C Firma yang bergabung akan berkongsi bersama modal, risiko, kepakaran untuk diagihkan berdasarkan jumlah modal yang dilaburkan.
- D Gabungan beberapa buah syarikat antarabangsa dengan syarikat luar yang bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan rakan kongsi tentang persaingan budaya dan sistem politik.

10. Antara berikut pilih kebaikan – kebaikan yang diterima oleh francais dalam perniagaan francais . HPK1
T2
- I. latihan pengurusan disediakan.
 - II. bantuan kewangan disediakan.
 - III. pemilihan lokasi kedai yang strategik oleh franchisor.
 - IV. tidak boleh menerima bantuan berterusan dari franchisor.
- A** I, II dan III
B II, III dan IV
C I, III dan IV
D I, II, dan IV
11. Apakah maksud syarikat multinasional? HPK1
T3
- A** Syarikat yang menjual produk di pasaran tempatan.
B Syarikat yang menjalankan operasi perniagaan dalam negeri sahaja.
C Syarikat milik pemegang saham yang terdiri daripada pihak kerajaan sahaja.
D Syarikat yang beroperasi di negara asal dan beroperasi di beberapa buah negara lain secara serentak.
12. Apakah struktur organisasi yang sesuai digunakan oleh syarikat multinational yang beroperasi di beberapa buah negara? HPK1
T3
- A** Matriks.
B Produk.
C Geografi.
D Fungsian.
13. Berikut merupakan tujuan menjadi syarikat multinasional **KECUALI** HPK1
T3
- A** mengelak tarif dan kuota.
B memperoleh teknologi baharu.
C meningkatkan saiz pasaran dan pelaburan.
D mengurangkan hasil kepelbagaian dari segi produk.

14.

HPK1T3

Rajah 1

Penyataan manakah yang **BENAR** tentang kebaikan struktur organisasi seperti di dalam Rajah 1?

- A Meningkatkan harga produk.
- B Menyukarkan pengurusan produk.
- C Memudahkan penyelarasan aktiviti bagi setiap produk.
- D Meningkatkan kos penyelidikan dan pembangunan bagi setiap produk.

15. Apakah tujuan “Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia” dijalankan?

HPK1T4

- A Meningkatkan aliran wang keluar ke negara asing.
- B Meyakinkan pelabur untuk melabur di pasaran asing.
- C Mengurangkan pendapatan negara berasaskan produk tempatan.
- D Menambahkan kesedaran pengguna terhadap barangan tempatan.

16. Negara -negara ASEAN dianggotai oleh .

HPK1T4

- A Malaysia, Kemboja, Indonesia, Filipina dan Singapura.
- B Malaysia, Kemboja, Vietnam, Australia, Laos, Filipina dan Singapura.
- C Malaysia, Kemboja, Vietnam, Australia, Indonesia, India dan Singapura.
- D Malaysia, Kemboja, Vietnam, Laos, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Myanmar.

17. Apakah tarif yang dikenakan berdasarkan kepada nilai atau harga sesuatu barang yang diimport? HPK1
T5
- A** Tarif spesifik.
B Tarif eksport.
C Tarif kompaun.
D Tarif advalorem.
18. Berdasarkan pernyataan di bawah, pilih kenyataan yang **BENAR** tentang kuota. HPK1
T5
- I. Tiada had maksimum ke atas sesuatu barang yang diimport dalam satu jangka masa tertentu.
II. Kerajaan tidak menetapkan had maksimum sesuatu barang yang diimport oleh rakyat tempatan.
III. Melindungi industri yang sama di pasaran tempatan daripada di monopoli oleh produk luar negara.
IV. Kuota ditakrifkan sebagai had kuantiti maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan terhadap sesuatu barang yang boleh di import.
- A** I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan III
19. Mengapakah kerajaan melaksanakan anti lambakan sebagai kaedah perlindungan perdagangan? HPK1
T5
- A** Menurunkan harga barang eksport.
B Menyekat kemasukan keluaran daripada negara musuh.
C Mengawal kemasukan produk dan perkhidmatan dari negara asing . menyebabkan produk tempatan tidak dapat bersaing.
D Memastikan keluaran import mematuhi piawai kesihatan dan keselamatan negara.

20.

HPK1

“Malaysia melarang kemasukan barang buatan dari beberapa buah negara termasuklah Israel dalam usaha mengelakkan sebarang perhubungan diplomatik dengan negara tersebut.”

T5

Apakah kaedah perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh Malaysia melalui tindakan di atas?

- A** Embargo.
- B** Anti lambakan.
- C** Subsidi eksport.
- D** Kawalan pertukaran asing.

BAHAGIAN B*[60 markah]*Arahan : Jawab **SEMUA** soalan.**Soalan 1**

- a) HPK1
i. Jelaskan maksud perniagaan antarabangsa. T1

[2 markah]

- ii. Berikan **TIGA (3)** faktor- faktor kewujudan perniagaan antarabangsa. HPK1
T1

[3 markah]

- b) HPK1
i. Terangkan **DUA (2)** persamaan antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa. T1

[4 markah]

- ii. Huraikan **TIGA (3)** perbezaan antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa.

[6 markah]

- c) Senaraikan **LIMA (5)** kepentingan perniagaan antarabangsa kepada ekonomi sesebuah negara HPK1
T2

[5 markah]

Soalan 2

- a) HPK1
- i. Huraikan maksud beserta contoh yang sesuai bagi setiap jenis perniagaan antarabangsa berikut: T2
- a. Import *[3 markah]*
- b. Eksport *[3 markah]*
- ii. Berikan **EMPAT (4)** jenis perniagaan antarabangsa selain import dan eksport. HPK1
- [4 markah]* T2
- b) Terdapat empat jenis struktur organisasi yang boleh digunakan oleh syarikat multinasional untuk mengawal pengurusan. Senaraikan **EMPAT (4)** jenis dari struktur organisasi tersebut. HPK1
- [4 markah]* T3
- c) Jelaskan **TIGA (3)** tujuan menjadi syarikat multinasional. HPK1
- [6 markah]* T3

Soalan 3

- a) HPK1
- i. Senaraikan **DUA (2)** objektif penubuhan MATRADE T4
- [4 markah]*
- ii. Terangkan **DUA (2)** peranan MATRADE dalam mempromosikan produk tempatan ke pasaran antarabangsa. HPK1
- [4 markah]*
- b) Huraikan **DUA (2)** jenis tarif beserta contoh yang terdapat dalam perlindungan perdagangan. HPK1
- [6 markah]*
- c) Jelaskan **TIGA (3)** tujuan kerajaan memperkenalkan subsidi eksport sebagai perlindungan perdagangan dalam perniagaan antarabangsa. HPK1
- [6 markah]*

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab